31/01/2002

Mahathir saksi Orkestra Kolej Yayasan Saad

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (gambar) bersalaman dengan pelajar yang menganggotai Orkestra Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) selepas menyaksikan persembahan mereka di Istana Budaya, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, malam tadi.

Perdana Menteri diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dihiburkan lagu seniman agung Allahyarham Tan Sri P Ramlee serta lagu Inggeris, Mandarin dan Bollywood.

Orkestra itu turut mempersembahkan lagu khas untuk Dr Mahathir iaitu Di Manakan Ku Cari Ganti dan lagu Serenade manakala Comeback To Sorento kepada Dr Siti Hasmah.

Orkestra KYSM dianggotai 84 pemuzik pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

Orkestra ini, membuat persembahan sulung pada 20 November 1998, mengadakan 14 persembahan di seluruh negara termasuk acara rasmi kerajaan.

(END)